

Saya Hanya Beri Arahan Untuk Lakukan Perkara Yang Sah, Kata Dr Mahathir Bernama
11 Sept, 2013

KOTA KINABALU, 11 Sept (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau hanya memberikan arahan untuk melakukan perkara yang sah di sisi undang-undang ketika menyandang jawatan perdana menteri dari 1981 hingga 2003.

"Saya tidak pernah memberikan arahan untuk melakukan perkara yang tidak sah. Saya hanya memberikan arahan untuk melakukan perkara yang sah," katanya semasa ditemui pemberita selepas memberi keterangan di hadapan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat masalah pendatang tanpa izin di Sabah, di sini Rabu.

Banyak pihak mendakwa pengeluaran kad pengenalan (IC) kepada pendatang tanpa izin di Sabah pada 1980-an diarahkan oleh Dr Mahathir, dakwaan yang dinafikan beliau semasa memberi keterangan kepada suruhajaya itu yang dipengerusikan bekas Hakim Besar Sabah dan Sarawak Tan Sri Steve Shim Lip Kiong.

Dr Mahathir berkata: "Orang yang layak menjadi warganegara (Malaysia) boleh menjadi warganegara."

Mengenai prosiding hari ini, beliau lega dapat menjawab semua soalan diajukan kepadanya.

"Prosiding berjalan lancar. Semua soalan adalah munasabah," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=976944>